

MENELUSURI SEJARAH SOSIO-EKONOMI TANAH MELAYU DARI PERSPEKTIF BAHARU oleh Sivachandralingam Sundara Raja *et. al.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2020. Halaman 248. ISBN: 978-967-488-131-3.

Sebuah lagi penulisan sejarah sosio-ekonomi negara ini telah diterbitkan pada tahun 2020. Dalam kajian sejarah Malaysia, aspek sosio-ekonomi ini memang popular dan ia boleh diperhati melalui pelbagai penulisan buku, jurnal, kertas kerja termasuk latihan ilmiah dan tesis para pelajar. Buku “*Menelusuri Sejarah Sosio-Ekonomi Tanah Melayu dari Perspektif Baharu*” yang diulas ini juga ialah sebahagian item terkini yang tambah ‘memadatkan’ lagi korpus pensejarahan sosio-ekonomi Malaysia yang telah sedia padat. Menariknya para penulis dengan yakin telah memakai ungkapan ‘perspektif baharu’ seperti tergambar pada tajuk buku yang berperanan untuk menarik perhatian khalayak ke atas intipati pembicaraan mereka. Hal ini tidak janggal kerana memang sifatnya ilmu pengetahuan itu sentiasa digali dan diperbaharui, bukan sahaja dari segi ontologi (data) tetapi juga epistemologi (perspektif atau kerangka pandang). Ulasan ini tidak sekadar secara deskriptif ingin memperihalkan butir-bicara buku tetapi pada tempat tertentu cuba meneliti tawaran para penulisnya bahawa mereka telah membawakan suatu perspektif baharu dalam perbincangan tentang sejarah sosio-ekonomi di Malaysia.

Para penulis buku ini merupakan sarjana berpengalaman dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Bahkan, mereka telahpun dikenali sebagai antara penyelidik sejarah sosio-ekonomi Malaysia yang menonjol. Buku *Menelusuri Sejarah Sosio-Ekonomi Tanah Melayu dari Perspektif Baharu* ini menawarkan lima bab. Dua bab berkaitan perdagangan, satu bab tentang pendidikan dan dua lagi bab menyentuh peranan institusi penyelidikan kolonial dalam pembangunan sosio-ekonomi negeri Melayu. Berbanding dua bab terakhir, persoalan perdagangan serta pendidikan memang telahpun banyak diperkatakan dalam penulisan sejarah sosio-ekonomi sebelum ini. Bagaimanapun, hal inilah yang mengujakan, apakah lagi dengan tawaran ‘perspektif baharu’. Ini kerana para pembaca bukan sahaja akan ‘membaca,’ tetapi ‘membaca semula’ hal-hal yang telah sedia ditekuni sebelum ini sambil tertanya-tanya: ‘apakah yang baharu?;’ ‘apakah anjakan kefahaman yang bakal diperoleh?’ dan sebagainya. Adapun dua bab terakhir buku ini sememangnya membawa pembaca ke suatu ruang perbicaraan sejarah sosio-ekonomi yang agak jarang diteroka, sekurang-kurangnya melalui medium penyampaian bahasa Malaysia.

Bab pertama memperkatakan perdagangan di Melaka dalam tiga era berbeza, iaitu ketika wilayah tersebut berada di bawah pemerintahan Kesultanan Melayu, Portugis dan Belanda. Jelas sekali apa yang ingin disalur kepada pembaca adalah transformasi kegiatan perdagangan Melaka, terutama dari segi dasar di bawah tiga era berbeza itu. Membaca bab ini sepantas lalu umpama ‘*deja vu*’, terutama pada bahagian awal perbincangan yang secara umumnya boleh ditemui dalam penulisan lain seumpamanya sebelum ini. Namun, kemantapan bab ini terserlah apabila persoalan ‘perdagangan bebas’ diketengahkan dalam perbincangan. Penekanan terhadap aspek perdagangan bebas sebagai identiti perdagangan Melaka, meski bukan pertama kali diajukan kepada khalayak, namun ianya menjadi istimewa dek penghujahan bab ini. Kemerosotan Melaka sebagai tapak perdagangan penting dijelaskan bukan semata-mata atas faktor pemerintahan bertukar tangan kepada sang penjajah, tetapi disebabkan oleh penyimpangan mereka daripada dasar perdagangan bebas itu tadi yang sebelumnya dipegang kuat oleh Kesultanan Melayu.

Hujah ini menarik apabila para penulis secara teratur cuba menunjukkan bahawa pentadbiran hal ehwal perlabuhan dan perdagangan Melaka pada zaman Kesultanan Melayu itu jauh lebih berkesan berbanding ketika di bawah kuasa Barat yang sering dianggap moden dan canggih. Bab ini secara tidak langsung mengajak pembaca untuk memikirkan semula tentang konsep ‘tradisional’ dan ‘moden’ yang kerap digunakan dalam zaman sebelum dan semasa kolonial. Corak pentadbiran, dasar perdagangan dan yang lebih utama, keterbukaan Melaka ketika berada di bawah Kesultanan Melayu itu menunjukkan adanya ciri-ciri ‘moden’ yang sering dinafikan atau disenyapkan selama ini. Dasar perdagangan berasaskan monopoli, menindas, gopoh dan sebagainya yang menyebabkan Melaka lemah secara mendadak di bawah pentadbiran Portugis. Manakala, sewaktu pemerintahan Belanda pula, Melaka nampaknya sinonim dengan ciri-ciri terkebelakang, mundur, anti-kemajuan yang dirangkumkan dalam istilah ‘tradisional.’ Justeru itu, apakah pentadbiran watan sewaktu zaman pra-kolonial itu pasti akan bersifat ‘tradisional’ manakala pentadbiran kolonial itu wajib sentiasa ‘moden’? Secara tidak langsung, bab ini mengajak pembaca memikir semula persoalan intelektualisme yang penting ini.

Bab kedua melanjutkan lagi perbincangan tentang perdagangan di Semenanjung Melayu, dengan memperinci perkembangan era kolonial Inggeris. Inggeris, sebagai kuasa yang terkemudian hadir ke Semenanjung Melayu, telah melancarkan kembali dasar perdagangan bebas di pelabuhan Pulau Pinang. Pendekatan ini penting bagi menyaingi penguasaan Belanda yang terpusat di Melaka. Percaturan pihak Inggeris bukan sahaja kemudian melemahkan lagi Melaka yang berada di bawah Belanda tetapi juga, telah membuka jalan kepada penjajahan ke seluruh Semenanjung Melayu di bawah satu kuasa kolonial tunggal. Hal ini, dipacu oleh penguasaan awal di utara (Pulau Pinang) dan di selatan (Singapura) yang menyebabkan negeri-negeri tengah menerima tempias kolonialisme. Menariknya, pendekatan Inggeris tidaklah bersifat keras sebagaimana Portugis dan Belanda di Melaka, tetapi bekerjasama dalam erti-kata, adanya gandingan antara kolonial dengan penguasa watan. Dasar ekonomi Inggeris yang liberal juga telah menarik golongan pedagang Cina untuk melabur di Semenanjung Melayu. Hubungan ekonomi di antara kolonial Inggeris, penguasa watan dan pedagang Cina telah memacu pengurusan ekonomi dan sosio-politik yang lebih tersusun melalui penubuhan Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu sekaligus memulakan idea federalisme seperti diamalkan Malaysia masa kini.

Penubuhan entiti politik bernama Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu ini boleh dilihat sebagai usaha berantai Inggeris bagi mengekal dan memperkasakan lagi empayar ekonomi mereka di Semenanjung Melayu. Negeri-Negeri Selat menjadi pusat perdagangan utama, manakala Negeri-Negeri Melayu berfungsi sebagai pendokongnya. Justeru suatu keseimbangan dan pemantauan berterusan terhadap semua entiti ini telah digerakkan. Hal ini diperincikan dengan baik dalam bab dua melalui wacana berkenaan seni berpolitik Inggeris yang kemas. Kredit kepada penulis apabila mereka juga berbincang tentang instrumen sosio-ekonomi binaan kolonial yang tidak dapat tidak harus diperakui membawa faedah tertentu kepada pembangunan negara, hatta sehingga ke era pasca-kolonial. Tegasnya, meski hal-hal yang diperkatakan ini juga boleh ditemui dalam pelbagai penulisan lain berkaitan sejarah sosio-ekonomi Malaysia zaman kolonial, namun cara pengolahan yang kemas menjadi kekuatan bab ini. Bahkan sepetimana bab pertama, ia mengajak pembaca berfikir melangkaui teks, misalnya tentang ‘apakah semestinya dampak penjajahan itu adalah buruk secara keseluruhan kepada anak watan?’ Perbincangan bab kedua menunjukkan bukan sahaja orang-orang Melayu mendapat faedah dari dasar perdagangan

Inggeris, bahkan tanah air mereka sendiri bertambah maju sepetimana yang turut diperincikan penulis sezaman seperti Abdullah Munshi atau Za'ba. Inilah yang sekurang-kurangnya dapat direnung hasil daripada pembacaan bab kedua buku ini.

Perbincangan bab ketiga menjurus pada instrumen pembangunan sosio-ekonomi yang penting di era kolonial, iaitu pendidikan. Perancangan sosio-ekonomi Inggeris yang telah dibincangkan pada bab dua tidak akan mapan, serta berdaya tahan jika inisiatifnya bersifat sehalo. Penduduk sendiri harus berkeupayaan mendokong gagasan pembangunan kolonial. Justeru kedudukan pendidikan sebagai instrumen pembangunan dalam konteks ini amat mustahak. Bagaimanapun, dasar pendidikan yang diterapkan telah menggunakan kerangka formula ‘pecah dan perintah.’ Pendidikan Inggeris adalah keutamaan kolonial lantaran ia dijadikan tapak latihan bagi penduduk tempatan berkhidmat dalam pejabat kerajaan. Manakala, sekolah-sekolah vernakular dibantu secara minima sekadar memupuk literasi dan kemahiran asas kehidupan. Penekanan terhadap bahasa Inggeris juga tidak diberatkan dalam sekolah vernakular kerana pihak kolonial bimbang akan tersemainya sikap anti-penjajahan. Maka, boleh dikatakan keutamaan dalam sektor pendidikan hanya ditumpukan pada sekolah aliran Inggeris kerana nilai ‘kegunaannya.’ Selain sekolah Inggeris, terdapat juga sekolah yang berorientasi teknik dan vokasional yang turut dibangunkan bagi memenuhi keperluan pembangunan. Termasuk juga penubuhan institusi pengajian tinggi yang bertempat di Singapura bagi memenuhi keperluan Tanah Melayu terhadap tenaga doktor perubatan, penyelidik sains dan pegawai-pegawai tadbir.

Boleh disimpulkan dari perbincangan bab ketiga, bahawa Inggeris sangat mementingkan pendidikan sebagai instrumen pembangunan Tanah Melayu. Penambahbaikan pendidikan amat mendadak dan jauh lebih baik berbanding era pra-kolonial. Namun dapat dilihat adanya unsur ‘penekanan terpilih’ dalam memajukan sektor pendidikan di Tanah Melayu. Inggeris hanya ‘berbelanja besar’ untuk hal pendidikan semata-mata bagi menjamin kelangsungan kolonialisme dan bukan demi memberikan pendedahan ilmu secara *per se* kepada penduduk. Meskipun tidak dapat dinafikan bahawa sekolah-sekolah Melayu banyak mendapat bantuan Inggeris, namun ia juga dibuat demi kepentingan pihak kolonial untuk menyudutkan masyarakat Melayu dalam dunia yang ‘*inferior*’ dan bagi menjamin pembekalan makanan yang konsisten untuk Tanah Melayu. Situasi ini tentu menguntungkan pihak Inggeris serta pembangunan fizikal Tanah Melayu. Namun, sekiranya ditinjau dari perspektif ‘pembangunan terangkum,’ dasar pendidikan Inggeris ini ibarat menang sorak, kampung tergadai. Walaupun tidak diperinci secara khusus dalam bab ketiga, namun dengan imaginasi sosiologikal, kita mampu melihat bahawa dasar pendidikan beginilah yang akhirnya membawa masalah ketidaksamarataan pendapatan dan pemikiran, bukan sahaja antara etnik berbeza, bahkan sesama etnik itu sendiri, malah amalan dan kesan domino daripada praktik kolonial ini masih berterusan sehingga kini.

Bab keempat pula membincangkan tentang sejarah Institut Penyelidikan Perubatan serta peranannya dalam mendokong pembangunan Tanah Melayu. Ia masih berkaitan dengan isu pendidikan, tetapi lebih menjurus kepada pengajian tinggi, khususnya dalam bidang penyelidikan. Penubuhan badan ini sangat penting kerana pembangunan sosio-ekonomi yang pesat ketika itu segera menambahkan populasi penduduk. Kegiatan migrasi berjalan rancak dan kepadatan manusia di Tanah Melayu telah bertambah. Fenomena ini segera mengundang pelbagai kompleksiti kesihatan terutamanya dari segi menangani wabak dan penyakit-penyakit baru dalam kalangan

penduduk. Cabaran kesihatan dan perubatan amat mustahak bagi memastikan produktiviti jentera sekaligus momentum pembangunan tidak terbantut. Di sinilah, peranan Institut Penyelidikan Perubatan ini amat diperlukan terutamanya bagi memahami dan menangani wabak Malaria dan Beri-Beri yang boleh disifatkan sebagai baru di Tanah Melayu ketika itu. Bahkan, institusi yang sama turut digerakkan untuk merancangkan diet seimbang untuk penduduk khususnya kanak-kanak, selain membantu pihak penguatkuasaan dalam bidang perubatan forensik.

Perbincangan bab keempat ini secara umumnya memang agak sukar ditemui melalui penulisan lain sebelum ini, khususnya yang terbit dalam bahasa Malaysia. Justeru itu, ia amat dialu-alukan terutama untuk memperluaskan lagi cakupan wacana sejarah sosio-ekonomi di Malaysia. Penubuhan institut ini secara eksplisit dihujahkan membawa manfaat signifikan terhadap pembangunan fizikal Tanah Melayu. Namun, sesuatu yang boleh difikirkan juga adalah, apakah timbul kesan-kesan lain ekoran penubuhan badan sebegini? Dari sudut pandang pasca-kolonialisme, penubuhan institut berdasarkan penyelidikan sains begini bukan sahaja telah menyumbang secara langsung kepada pembangunan fizikal tanah jajahan, tetapi juga mengubah kapasiti dan titik-tumpu intelektual penduduk. Saintifik ala Barat sebagai suatu cara fikir telah menggugat cara fikir metafizik pribumi di kebanyakan tanah jajahan. Dalam soal kesihatan dan perubatan misalannya, penemuan saintifik menjelaskan sesuatu simptom itu berdasarkan bukti-bukti teruji. Hal ini bertentangan dengan amalan perbomohan sebagai contoh yang lebih mengutamakan firasat dan petua-petua. Secara berdikit-dikit, pertentangan antara saintifik dan metafizik telah mengubah gaya fikir penduduk dan inilah sumbangan perbincangan bab keempat secara implisit, iaitu dengan memperlihatkan bagaimana instrumen pemikiran saintifik itu salah satunya telah diinstitusikan di negara ini.

Demikian juga dengan perbincangan dalam bab akhir. Bab kelima memberi perhatian kepada sebuah lagi instrumen pembangunan sosio-ekonomi era kolonial, iaitu Institut Penyelidikan Getah Tanah Melayu. Bab ini bermula dengan menghuraikan peri-pentingnya getah kepada ekonomi Inggeris, lantas memerlukan pemahaman yang menyeluruh berkenaan tanaman tersebut dari segenap sudut. Dibincangkan selanjutnya bagaimana Institut Penyelidikan Getah ini telah membawa nilai tambah kepada sektor pertanian getah Tanah Melayu. Hal ini termasuklah penyelidikan dan inovasi berkait dengan tanah yang sesuai untuk tanaman sehinggalah cara-cara untuk mengawet susu getah. Hasil kewujudan Institut Penyelidikan Getah Tanah Melayu yang perlu dikreditkan sekali bersama dengan pelbagai lagi instrumen tadbir, maka negara ini pernah menjadi pengeluar separuh daripada jumlah getah asli dunia pada tahun 1930-an. Kedudukan ini menuntut pihak Inggeris memandang berat pembangunan perhubungan domestik bagi melancarkan urusan eksport getah. Maka dibinalah jaringan jalanraya, kereta api dan lain-lain dengan lebih meluas lagi mencangkup. Justeru itu, tidaklah keterlaluan andai dikatakan peranan Institut Penyelidikan Getah Tanah Melayu telahpun berjalan bukan sahaja dalam ruang lingkup pembangunan getah, tetapi secara tidak langsung mendorong penambahbaikan serta kemajuan dalam aspek-aspek yang lain juga.

Secara umumnya, perbincangan bab kelima ini telah berjaya memberikan gambaran yang terperinci tentang bagaimana pertanian getah pernah menjadi industri terbesar di Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Penekanan kepada peranan institusi sokongan tetapi mustahak seperti Institut Penyelidikan Getah Tanah Melayu memang agak kurang ditonjolkan. Membaca bab ini seolah-

olah meletakkan kita pada suatu menara tinjau yang baru, yang membolehkan pembaca memerhati sejarah sosio-ekonomi Tanah Melayu dari sudut berbeza. Membaca bab akhir ini juga, telah menginsafkan betapa mustahak ilmu pengetahuan dan input penyelidikan dalam proses pembangunan. Bahkan, kolonial Inggeris itu memang terkenal dengan keupayaan penyelidikan dan pembangunannya (P&P) yang terperinci lagi mendahului zamannya. Intipati perbincangan bab ini dengan jelas menunjukkan penjajahan Inggeris sebenarnya tidaklah teguh semata-mata kerana kekuatan militernya, tetapi juga kekuatan ilmu dan penyelidikan. Meskipun dari sudut pandang pasca-kolonialisme, jenis ilmu pengetahuan dan metod penyelidikan kolonial sentiasa dipermasalahkan, namun keberkesanannya dalam menunjang proses penjajahan memang tidak boleh dinafikan.

Membaca secara keseluruhan lima bab yang dipersembahkan dalam buku ini ternyata menyegarkan. Kekuatan utama buku ini adalah memusatkan sejarah pembangunan sosio-ekonomi Tanah Melayu pada faktor kolonial serta kolonialisme Inggeris sesuatu yang mungkin ‘segan’ diperakukan oleh sarjana lokal secara ‘berterus terang.’ Meskipun memberikan tajuk yang umum, iaitu “*Menelusuri Sejarah Sosio-Ekonomi Tanah Melayu dari Perspektif Baharu*,” namun intipati buku sebenarnya cuba menjawab soalan: bagaimana penjajah Inggeris mengukuhkan kolonialisasi mereka di Tanah Melayu? Bab pertama memperkenalkan konsep perdagangan bebas serta kepentingannya. Bab kedua menunjukkan keberkesanan penjajahan Inggeris dengan strategi perdagangan bebas mereka. Bab ketiga memperluaskan cangkuman perbincangan dengan melihat pada pendidikan sebagai intrumen pembangunan, sekaligus sebagai tunjang kolonialisme. Bab keempat dan bab kelima membahas secara terperinci bagaimana sektor penyelidikan dan pembangunan menyumbang kepada teguhnya proses penjajahan. Memang, jika dilihat setiap bab buku ini secara individual, mungkin ada yang menghujah bahawa perspektif berkaitan perdagangan dan pendidikan tetap boleh dikesan dalam tulisan-tulisan terdahulu. Namun secara kesatuan, idea besar buku untuk menjelaskan secara terperinci, sekaligus memberi tafsiran kepada tindakan, keputusan dan dasar-dasar kolonial itu cukup bermakna. Justeru itu, tidaklah keterlaluan sekiranya para penulis menyatakan bahawa penulisan mereka adalah ‘perspektif baharu’ seperti yang dipermasalah pada awal penulisan ini tadi. Sekalipun jika ia tidak dianggap ‘terlalu baharu’ dari perspektif sejarah ‘Rankean’, tetapi bagi pengkaji ekonomi politik, kajian pasca-kolonialisme dan sejarah idea, buku ini tentu sekali akan amat-amat dialukan.

Pujian terhadap naskah ini tidak pula bermaksud ianya terlepas dari sebarang kelemahan. Sebagai sebuah ‘buku,’ susunan babnya dari sudut editorial kelihatan kurang kemas. Terdapat pengulangan dan pertindihan isi yang agak ketara antara kelima-lima bab pada bahagian-bahagian tertentu. Buku ini juga akan lebih terampil penyampaiannya jika diberikan suatu pengenalan yang lebih mendalam bukan sekadar prakata tentang apakah idea besar yang cuba dihujahkan dalam perbincangan. Ini tentu sekali akan lebih menyerlahkan ‘perspektif baharu’ yang sememangnya ada, tetapi agak terlindung. Begitu juga penulisan ini wajar ditutup dengan sebuah kesimpulan untuk menegaskan lagi gagasan buku. Dengan sifatnya yang ada, buku ini kelihatannya lebih mirip kepada kompilasi tulisan berbentuk bab dalam buku dan bukannya sebuah buku yang dibangunkan secara integratif. Hasilnya, mungkin penyampaian buku ini akan jelas untuk komuniti akademik, tetapi agak kurang menyerlah idea besarnya bagi pembaca awam. Sungguhpun begitu, kelemahan bersifat teknikal ini tentu sekali terlalu kecil untuk melindungi kelebihan dan kekuatannya yang telah dinyatakan lebih awal. Sesungguhnya ia adalah buku yang sangat baik untuk dihadam, bukan sahaja oleh pengkaji

sejarah, tetapi juga penggiat disiplin lain yang memerlukan data-data dan perspektif tentang sejarah sosio-ekonomi Malaysia, khususnya tentang peranan kolonial dalam proses berkenaan.

Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor